

22/01/2000

Usah anggap pendapat sebagai kritikan serius

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perbezaan pendapat di kalangan ahli Umno berhubung keputusan Majlis Tertinggi (MT), termasuk mengenai nasihat supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan parti Mei ini, tidak sepatutnya dianggap kritikan serius.

Ahli MT, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pandangan itu dibuat untuk kebaikan parti dan tidak dianggap satu kesalahan kerana keputusan MT supaya tiada pertandingan untuk dua jawatan berkenaan hanya berbentuk nasihat.

"Jika mereka mengikut (nasihat MT), eloklah. Jika tidak, tidak mengapa," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Luar, mengulas kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, bahawa dua jawatan tertinggi parti itu sepatutnya dipertandingkan.

"Ghafar adalah ahli politik veteran. Saya yakin beliau mempunyai alasan tersendiri untuk memberi pandangan begitu. Bagi beliau, cadangan itu adalah untuk kebaikan parti.

"Tetapi, ada juga pandangan yang berbeza (daripada beliau) dan itu juga baik untuk parti," kata Syed Hamid.

Dalam kenyataannya awal minggu ini, Ghafar berpendapat, kedudukan Presiden dan Timbalan Presiden parti akan lebih kukuh jika ia disokong secara langsung oleh ahli parti sendiri.

Menurutnya, tidak ada masalah jika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, terus menerajui parti.

(END)